

## **APA YANG DIKATAKAN TENTANG “SAFETY” (Bahagian 1)**

Apa itu Safety... Safety di sini adalah keselamatan. Ramai juga yg beranggapan keselamatan tu seperti anggota keselamatan, pak guard yang banyak menjurus kepada security.. Apa yg kita bincangkan disini adalah **safety** bukan **security**...

Apa yg mendokong sistem keselamatan (safety) kerja dinegara kita ini? Dalam erti kata lain keselamatan kita sebagai pekerja di sesuatu organisasi dilindungi oleh apa? ada akta kah yang diamalkan untuk keselamatan ni? Berkesankah? tak pernah dengar pun keselamatan di tempat kerja?.....



Sekitar pemandangan kawasan tragedi kilang mercun Bright Sparkler yang meletup dan terbakar di Kampung Baru Sungai Buloh, 25 kilometer dari Kuala Lumpur pada Mei 1991.

Keselamatan dan Kesihatan (Safety & Health) Pekerjaan di Malaysia boleh dikatakan masih terlalu muda walaupun bagaimanapun dalam peningkatan dari semasa ke semasa.. **adakah saudara semua ingat lagi kejadian letupan kilang bunga api di Sg. Buloh satu masa dahulu yang mengorbankan ramai pekerjanya?. Rentetan kejadian tersebut, kerajaan telah merangka satu akta untuk melindungi pekerja-pekerja dan hasilnya telah diwartakan AKTA 514 (Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja) pada tahun 1994.**

**Tujuan Akta ini adalah seperti berikut:**

- i - Memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja di tempat kerja.
- ii - Melindungi orang-orang di tempat selain daripada pekerja di tempat tersebut
- iii - Menggalakkan suatu persekitaran pekerjaan yg sesuai dengan keperluan fisiologi dan psikologi pekerja

- iv - Menyediakan kaedah dimana peraturan keselamatan dan kesihatan pekerja dapat di ganti secara progresif dengan sistem peraturan dan kod amalan industri yg beroperasi bersama dengan Akta 514 utk mengekal @ meningkatkan standard keselamatan dan kesihatan.

Akta 514 ni meliputi keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam sektor apa? Akta ini meliputi semua sektor pekerjaan di Malaysia **kecuali Angkatan Tentera Malaysia** dan **kapal yg sedang belayar** (dibawah Ordinan Perkapalan 1952 & Ordinan Kapal Perdagangan 1960 Sabah & Sarawak).

Jadi semua pekerja di Malaysia kecuali dua sektor di atas adalah di bawah kawalan Akta tersebut.

Sebenarnya terlalu banyak untuk dikupaskan tentang akta keselamatan dan kesihatan pekerjaan ni.. ramai yg

### Sebagai contoh.:

Pekerja yg bekerja di dalam persekitaran yg terlalu bising yang boleh memudaratkan pendengaran pekerja tersebut samada dalam jangka pendek atau panjang perlu dibekalkan alat perlindungan telinga dan menjadi satu kesalahan jika majikan tidak menyediakannya. DAN menjadi satu kesalahan juga kepada pekerja sekiranya tidak menggunakan alat



### Contoh:

lampu tak cukup terang boleh menyebabkan sakit mata, tidak selesa dan sebagainya. Ruang kerja yg sempit, sistem pengudaraan yg tidak teratur dan macam-macam lagi.

- Tahukah tuan/puan semua di mana jalan keluar dari pejabat anda sekiranya berlaku -- kebakaran atau kecemasan?
- Apa yg patut anda buat?
- Apa tindakan anda?
- Adakah tempat kerja anda pernah melakukan latihan mengosongkan pejabat sekiranya berlaku kejadian

tidak berminat, boleh buat mengantuk & memeningkan kepala.

Cukup lah sekadar untuk kita tahu apa hak dan tanggungjawab kita sebagai pekerja mengikut peruntukan Akta tersebut..

Secara ringkasnya akta ini melindungi pekerja dari ditimpa sesuatu kemalangan, penyakit atau sebarang situasi yg membawa kemudaratan kepada pekerja

perlindungan tersebut jika dibekalkan oleh majikan.. Pekerja yg bekerja di dlm pejabat juga terlindung oleh akta ini. Majikan perlu memastikan sistem pencahayaan, pengudaraan, ruang kerja dan cara kerja pekerja mereka berada pada tahap yg selesa dan tidak mewujudkan sesuatu yg membolehkan kejadian @ kemudaratan kepada pekerja mereka.

tersebut?

- Berapa lama masa yg diambil untuk langkah tersebut?
- Jika pernah, PTJ anda telah melakukan langkah-langkah persediaan, jika tidak pernah, sekarang lah masa nya anda perlu ambil tahu...



### Antara yang perlu anda tahu:

- jalan/arah (emergency exit) mana yg patut digunakan sekiranya berlaku kebakaran/kecemasan
- tindakan sebagai orang pertama melihat kebakaran
- tindakan lain yg perlu dibuat setelah melihat kebakaran
- tempat berkumpul
- no tel pejabat bomba/polis/hospital berdekatan



### LANGKAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI TEMPAT KERJA

- ⑩ Membentuk satu **dasar keselamatan dan kesihatan** (safety and health policy) yang bertulis
- ⑩ Menubuhkan satu **jawatankuasa keselamatan dan kesihatan** (safety and health committee) yang merangkumi wakil pihak pengurusan dan wakil pekerja
- ⑩ **Melatih pekerja dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan** (contoh: drill kebakaran (fire drill), mengangkat beban secara manual)
- ⑩ Menyediakan **buku panduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan** untuk kakitangan
- ⑩ Menyediakan **prosedur kerja selamat** (SOP) bagi aktiviti kerja berisiko tinggi (contoh: menyusun fail di atas rak tinggi)
- ⑩ **Memeriksa dan memantau keadaan tempat kerja** dengan menggunakan senarai semak (*checklist*) dari masa ke semasa
- ⑩ Mengadakan **pelan tindakan kecemasan** [Emergency Response Plan (ERP)]
- ⑩ **Menubuh dan melatih pasukan tindakan kecemasan** [*emergency response team (ERT)*]
- ⑩ Mempertingkatkan **kekemasan** (*housekeeping*) tempat kerja

- ⑩ **Menyusunatur** kelengkapan pejabat dengan baik
- ⑩ Menyediakan **peraturan keselamatan dan kesihatan** serta penguatkuasaan (contoh: larangan merokoMenyediakan **ruang khas** untuk menyimpan bahan berbahaya serta melabelkan setiap bekas bahan
- ⑩ Menyediakan **peralatan kecemasan** (alat pemadam api, *hose reel*, penggera, kotak pertolongan cemas)
- ⑩ Menganjur **kempen keselamatan dan kesihatan pekerjaan**
- ⑩ Menghantar kakitangan untuk **pemeriksaan kesihatan atau kaunseling**
- ⑩ Memberikan **latihan induksi** kepada kakitangan baru
- ⑩ Mendapatkan **komitmen** sepenuhnya dari majikan dan pekerja

## **KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI PEJABAT**

Pejabat mempunyai pelbagai hazard yang boleh menyebabkan kemalangan dan penyakit.

Kejadian ini boleh dicegah dengan mengambil langkah-langkah keselamatan dan kesihatan yang telah dibincangkan

### **Senaraikan hazard mengikut kategori**

#### **berikut:**

- |           |             |
|-----------|-------------|
| ■ Fizikal | ■ Biologi   |
| ■ Kimia   | ■ Ergonomik |

### **JENIS HAZARD FIZIKAL**

- |                   |             |
|-------------------|-------------|
| ■ Elektrik        | ■ Sinaran   |
| ■ Peralatan/mesin | ■ Suhu      |
| ■ Pengalihudaraan | ■ Kebakaran |
| ■ Pencahayaan     |             |

### **JENIS HAZARD KIMIA**

- |                                       |                |
|---------------------------------------|----------------|
| ■ Gas & wasap                         | ■ Asap rokok   |
| ■ Penjanaan gas ozon daripada         | ■ Perabut baru |
| ■ peralatan fotokopi & pencetak laser |                |

## JENIS HAZARD BIOLOGI

- Dari sistem pendinginan udara (air-conditioning system)
- Bakteria / virus

## JENIS HAZARD ERGONOMIK

- Tegasan fizikal (physical stress)
- Tekanan mental (mental stress)
- ❖ Penggunaan peralatan seperti komputer, meja, kerusi yang tidak sesuai.
- ❖ Mengangkat beban

## KEMALANGAN DAN PENYAKIT

- ⑩ Terjatuh dari tempat tinggi (semasa menyusun atau menurunkan fail dari rak yang tinggi)
- ⑩ Terjatuh pada aras yang sama (tergelincir atau tersangkut pada halangan seperti wayar elektrik atau permaidani rosak di lantai )
- ⑩ Kebakaran (litar pintas, puntung rokok)
- ⑩ Tersentuh dengan permukaan panas atau arus elektrik (wayar terdedah)
- ⑩ Terdedah pada bahan kimia (gam, pelarut)
- ⑩ Terdedah pada sinaran [ultra ungu (Ultra Violet), cahaya matahari yang berlebihan dan Unit Paparan Visual (Video Display Unit)]
- ⑩ Masalah biologi [*sick building syndrome*, virus, bakteria, binatang/serangga yang merayap (lipas, tikus), tumbuhan perhiasan yang hidup]
- ⑩ Masalah organ deria (*senses*) [penglihatan (*glare*), bau, pendengaran (pekak), getaran]
- ⑩ Tersepek barangan di laluan kerja (laci kabinet yang terbuka, kotak di lantai)
- ⑩ Tersentuh benda tajam (pisau, gunting, pemotong kertas)

## **KESIMPULAN:**

Menjaga keselamatan di tempat kerja adalah penting bagi membolehkan seseorang itu terus mencari rezeki bagi menampung keperluan dan perbelanjaan untuk keluarganya.

Seorang pekerja juga perlulah mengetahui apa yang perlu dilakukan jika berlakunya tragedi dan juga kemalangan semasa melakukan tugas dan kewajipan masing-masing.

### **Disediakan oleh:**

**Rusnani Omar**  
**Penolong Pendaftar**  
**Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan**  
**Blok D, Jalan Pertiwi Indah**  
**Jalan Kangar - Alor Setar**  
**Seriab.**

---

(Rujukan: Pengaturan Sendiri Didalam Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan  
Pekerjaan - Ismail Bahari,Ph.D UKM)